



كوفراسي فوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan : KP/18

Tarikh : 30hb. November 2017

“BERJIMAT SAMBIL BERKHIDMAT”

Pengerusi / Setiausaha

Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

**PEKELILING BERHUBUNG PINDAAN DAN PENAMBAHBAIKAN
ATURAN-ATURAN PINJAMAN OLEH
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD
- Pinjaman Atas Yuran**

1. LATARBELAKANG

- 1.1 Selaras dengan keperluan semasa dan bagi memastikan Skim Pembiayaan KPDRM adalah kekal kompetitif, KPDRM telah mengkaji semula kadar pembiayaan Pinjaman Atas Yuran. Diharap dengan pengurangan kadar pembiayaan pinjaman ini ianya akan dapat mengurangkan permohonan pengeluaran yuran 80 peratus dari kalangan anggota Koperasi.

2. TUJUAN

- 2.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua anggota Koperasi berhubung ketetapan Mesyuarat Anggota Lembaga KPDRM yang bersidang pada 29/08/2017 mengenai pengurangan kadar pembiayaan Pinjaman Atas Yuran.

3. KADAR PEMBIAYAAN PINJAMAN ATAS YURAN

- 3.1 Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Anggota Lembaga KPDRM telah meluluskan untuk mengurangkan kadar pembiayaan pinjaman ini kepada **4.5%** berbanding 6% sebelum ini.
- 3.2 Lain-lain syarat kelayakan di bawah Aturan Pinjaman Atas Yuran adalah dikekalkan.

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai pada 01hb Disember 2017.

Sehubungan dengan itu, kerjasama Tuan/Puan adalah dipohon untuk menghebahkan perkara ini kepada semua anggota Koperasi di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“Sejahtera Bersama Koperasi PDRM”

Yang Benar


DATO' ZULKARNI BIN AHMAD
SETIAUSAHA